

Syarikat korporat, GLC disaran laksana sekolah angkat

Putrajaya: Syarikat korporat dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) disaran melaksanakan inisiatif sekolah angkat bagi membantu membangunkan sekolah di seluruh negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika membuat saranan itu berkata bantuan daripada syarikat korporat dan GLC dapat menyelesaikan pelbagai masalah penyediaan infrastruktur di institusi berkenaan.

"Tahun 2023 ada 8,600 tandas teruk di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia, bayangkan anak-anak kita, sekolah kita dengan kemudahan sebegitu, ia sama sekali tidak boleh diterima.

"Jadi, sekurang-kurangnya yang boleh kita lakukan ialah mencuba dan menyelesaikan sebahagian daripada masalah ini, saya rasa sudah tiba masanya kita, yang dikurniakan Allah SWT dengan kemewahan dan kemudahan, perlu mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan tekanan (masalah terbabit)," katanya ketika berucap



Anwar bersama Pengerusi PETRONAS, Tan Sri Bakke Salleh (kiri) dan Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Rashid Hussain pada Majlis Berbuka Puasa Perdana Menteri bersama syarikat korporat dan GLC di Putrajaya, kelmarin.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

pada Majlis Berbuka Puasa Perdana Menteri bersama syarikat korporat dan GLC.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, beliau su-

dah meminta Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)

untuk menyelaras perkara berkenaan bersama Kementerian Pendidikan (KPM).

"Kalau kita boleh dapat 200 sekolah yang dipantau seca-

ra langsung, (ia) akan banyak membantu," kata Anwar.

Selain itu, Perdana Menteri turut berharap agar syarikat korporat dan GLC menyertai program Kampung Angkat MADANI bagi membangunkan dan memajukan lagi kawasan desa.

"Setiap pengurus besar, Tan Sri, Datuk Seri, ketua syarikat harus pilih kampung dia sendiri dan bangunkannya bersama dengan sebahagian jentera kerajaan," katanya.

Anwar yakin penyertaan daripada syarikat berkenaan membolehkan bilangan Kampung Angkat MADANI dipertingkatkan kepada 400 kampung berbanding sasaran asal 200 kampung ketika ini.

Kampung Angkat MADANI adalah program di bawah Dana Komuniti MADANI (DKM) bertujuan membantu komuniti desa memulakan projek ekonomi sendiri seterusnya menoktahkan masalah kemiskinan, selain memastikan kemudahan serta prasarana asas di kawasan desa lengkap.

BERNAMA